

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HSB 333 Imperialisme dan Nasionalisme Di Benua  
Kecil India

---

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. "Tindakan Maratha dan kuasa-kuasa Muslim melemahkan sesama sendiri dalam perang-perang yang sengit itulah yang telah membuka jalan kepada Inggeris untuk mengasaskan empayar British di India dengan mudah."

Sejauh manakah benar kenyataan ini?

2. "Adalah tidak wajar mempersalahkan dasar-dasar ekonomi British di India bulat-bulat bagi kemunduran ekonomi India."

Nilaikan hujah ini dengan merujuk kepada dasar-dasar ekonomi yang diamalkan oleh pihak British di India di antara 1793 dan 1914.

3. "Sekiranya sistem pendidikan kita diamalkan, dalam tiga puluh tahun dari sekarang tidak akan wujud lagi seorang pun di kalangan kelas-kelas tinggi di Bengal yang menyembah kepada patung." (Dipetik daripada Minit Lord Macaulay)

Apakah ini bererti dasar-dasar sosial Inggeris di India dari 1828 hingga 1858 bertujuan membaratkan budaya orang-orang India?

.../2

4. "Memang ia (Dahagi India 1857) adalah perang kemerdekaan pertama. Dalam keseluruhan sejarah India tidak pernah berlaku suatu perjuangan menentang kuasa asing yang begitu besar, yang disertai oleh orang daripada semua kelas dan juga banyak negeri di India." (S.B. Choudri)

Bincangkan.

5. "Dakwaan bahawa Kongres Kebangsaan India pada peringkat awal, iaitu di antara 1885 dan 1905, tidak mempunyai tujuan bersama dan berfungsi sebagai pergerakan sekumpulan individu yang berkepentingan sendiri adalah tidak tepat." (John R. Mc Lane)

Bincangkan.

6. Memandang kepada keganasan yang tercetus ekoran daripada pelancaran dasar "tidak kerjasama tanpa kekerasan" (non-violent non-cooperation) oleh Gandhi pada tahun-tahun 1919 dan 1920 tidak dapat dinafikan bahawa Gandhi telah membuat perkiraan yang salah tentang keupayaan para penyokongnya dalam mengikuti dasar itu.

Bincangkan.

7. "Pembahagian India tidak dapat dielakkan. Ia adalah hasil kemuncak dasar pecah dan perintah yang telah diamalkan oleh pihak British dan ideologi perkauman dan pemisahan yang didukung oleh Liga Muslim. Kedua-dua ini telah bergabung dan memaksa Kongres Kebangsaan India tunduk kepada pembahagian itu." (B.L. Grover)

Bincangkan.

-ooo000ooo-